



DR. MAHATHIR dianugerahkan status Fellow Emeritus kerana sumbangan beliau kepada Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi.

Penghubung pemimpin negara membangun

Um - 29/7/2004: Perdana (BALang Kawi).

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata pencapaian terbaik Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) ialah mendekatkan dan menyatukan pemimpin-pemimpin yang kebanyakannya dari negara-negara membangun.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia sebagai contoh amat dikenali di Afrika dan rakyat negara ini kini mengenali negara-negara Afrika serta pemimpin-pemimpin mereka.

Beliau yang merupakan penggerak utama LID sejak ia dimulakan pada tahun 1995 gembira bahawa dialog dua tahun sekali itu yang disertai oleh kebanyakan negara membangun telah mencapai kejayaan dan semakin kuat dan kukuh sehingga sekarang.

"LID telah membawa pemimpin-pemimpin negara membangun bersatu dan lebih mengenali di antara satu sama lain," katanya.

Kejayaan LID membolehkan konsep yang sama diadakan di beberapa negara Afrika dan se-

takat ini telah diadakan di Botswana, Namibia, Zimbabwe, Mozambique, Uganda dan Swaziland.

Ia juga telah mencetuskan kepada penganjuran dialog peringkat serantau di Barbados pada tahun 1996 dan 1999.

LID juga memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin Afrika untuk bertemu lebih kerap dan berbincang secara tidak rasmi mengenai isu-isu yang sama yang dihadapi oleh rantau tersebut.

LID kali ini agak berbeza sedikit kepada Dr. Mahathir kerana setelah menjadi tuan rumah bagi enam siri LID sebelum ini, tetapi pada tahun ini beliau merupakan tetamu pada dialog perkongsian pintar ini.

Di Swaziland pada tahun lepas, Dr. Mahathir dianugerahkan status Fellow Emeritus kerana sumbangan beliau kepada Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

CPTM yang berpejabat di London merupakan badan yang bertanggungjawab untuk me-

ngatur dialog tahunan di Malaysia dan Afrika.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjadi tuan rumah bagi LID tahun ini dengan tema 'Ke Arah Dunia Yang Lebih Pintar: Cabaran-Cabaran Penyesuaian Pembangunan dan Keselamatan Sejagat Melalui Dialog'.

Dialog terakhir di Afrika dianjurkan oleh Raja Mswati III of Swaziland di bandar Ezulwini.

Kejayaan

Dr. Mahathir memberitahu, satu lagi kejayaan LID ialah mengenali rakan dialog merupakan satu kejayaan positif LID.

"Dalam pada itu, kita melihat perubahan berlaku di Afrika dan kita mempelajari dari Afrika mengenai masalah yang mereka hadapi di mana kita boleh elakkan," katanya baru-baru ini.

Dr. Mahathir memberitahu, interaksi berterusan di antara

pemimpin negara dan korporat telah membawa kepada beberapa syarikat besar Malaysia melabur di Afrika seperti Telekom Malaysia, Renong, YTL Corporation dan Southern Bank Berhad.

Tambahnya, LID tidak dilihat akan menumpukan kepada isu perdagangan memandangkan Iraq masih menjadi perbincangan semua.

Ini berlainan dengan dialog di Swaziland di mana para pemimpin menyediakan kenyataan untuk diserahkan kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) yang akan mengadakan mesyuarat peringkat Menteri di Cancun, Mexico pada September.

Dalam kenyataan itu para pemimpin menggesa WTO memastikan keadilan dan kesamarataan dalam perdagangan dunia bagi semua pihak dan menekankan bahawa tidak ada keonggaran kepada produk negara maju sekiranya tidak ada keonggaran kepada produk negara membangun.